

29/10/1998

Malaysia eksport pesawat ke Amerika

KUALA LUMPUR, Rabu - SME Aero Inc, syarikat usahasama Malaysia dan Amerika Syarikat yang beribu pejabat di Tallassee, Amerika Syarikat akan memasarkan dua pesawat pertama keluaran tempatan iaitu SME MD3-160 ke Amerika Syarikat, bulan depan.

Pesawat ringan keluaran tempatan iaitu SME Aviation Sdn Bhd beroperasi di Subang.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, pengeksportan itu akan menjadi pemangkin bagi memasarkan lebih banyak pesawat keluaran syarikat berkenaan ke pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, keupayaan eksport itu menjadikan Malaysia negara yang pertama di Asia berjaya menembusi pasaran antarabangsa dalam industri pembuatan pesawat.

"SME MD3-160 adalah pesawat buatan Malaysia yang pertama diberi pengiktirafan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk dieksport ke Amerika" katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Menurutnya, sijil berkenaan adalah yang pertama dikeluarkan oleh DCA selepas jabatan berkenaan menjadi pihak berkuasa penerbangan pertama di Asia menerima pengiktirafan Pihak Berkuasa Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA).

Dr Ling berkata, pesawat berkenaan adalah yang pertama mendapat kelulusan eksport untuk pasaran Amerika walaupun sebelum ini ada negara mempunyai pesawat buatan sendiri.

Pesawat berkenaan akan dijual pada harga antara US150,000 (RM570,000) hingga US20,000 (RM760,000). Bagaimanapun, harganya mungkin meningkat mengikut kehendak serta keperluan pelanggan.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamed bersetuju untuk melancarkan kedua-dua pesawat berkenaan di pangkalan SME Aviation Sdn Bhd di Subang sebelum dieksport ke Amerika melalui Pelabuhan Klang.

"Setakat ini, sebanyak 30 pesawat ditempah oleh Kementerian Pertahanan bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk tujuan latihan penerbangannya," katanya.

Dr Ling berkata, 10 daripada jumlah itu sudahpun diserahkan kepada TUDM dan kini bersedia untuk digunakan dalam latihan penerbangan yang berpangkalan di Alor Star.

Katanya, 20 unit lagi sudah ditempah oleh Industri Pesawat Terbang Negara (IPTN) berpangkalan di Bandung, Indonesia.

Bagaimanapun, katanya, melihat kepada krisis ekonomi di Indonesia yang berlaku sekarang kemungkinan besar ia tidak dapat dipasarkan di sana.

"Pasaran pesawat itu akan diperluaskan di Timur Tengah, Afrika Selatan dan China," katanya.

SME MD3-160 adalah pesawat pertama keluaran tempatan di bawah Perjanjian Keselamatan Penerbangan Dua Hala (BASA) yang ditandatangani Malaysia dan Amerika Syarikat.

Pesawat yang mempunyai dua sayap itu direka bentuk oleh MDB Flugtechnik AG dari Switzerland dan ia akan dikenali sebagai Aerotiga bagi pasaran Amerika.

Menampilkan gear pendaratan dan enjin LYcoming 0-320-D2A berkuasa kuda 160 dengan kelajuan 130 knot, pesawat ringan itu hanya boleh digunakan untuk latihan penerbangan, riadah dan pertunjukan aerobatik.

(END)